



03 AUG, 2024

Cubaan bawa keluar 116kg minyak masak ke Kemboja gagal

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



ISMAIL (dua dari kanan) menunjukkan pek minyak masak bersubsidi yang dirampas daripada sepasang warga asing yang cuba menyeludup keluar di Kompleks ICQs Padang Besar, Kangar.

Cubaan bawa keluar 116kg minyak masak ke Kemboja gagal

Kangar: Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) Perlis berjaya mematahkan cubaan menyeludup keluar minyak masak bersubsidi hingga ke Kemboja berjumlah 116 kilogram (kg) dari negara ini selepas menahan dua individu warga asing di Padang Besar, dekat sini, bulan lalu.

Dalam kejadian jam 12.50 tengah hari pada 24 Julai itu, sepasukan anggota kastam dari Cawangan Penguatkuasaan Padang Besar yang sedang bertugas di Laluan Eksport, Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP), Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQs) Padang Besar memberhentikan sebuah kereta jenis Toyota Corolla Altis dengan menggunakan nombor pendaftaran Thailand kerana didapati sedang cuba untuk melepasi laluan itu.

Pengarah JKDM Perlis Ismail Hashim berkata, kereta berkenaan dipandu oleh seorang lelaki warga Thailand berusia 52 tahun yang turut membawa seorang penumpang wanita Kemboja berusia 56 tahun di dalamnya dan mereka dipercayai berada dalam keadaan mencurigakan ketika ditahan.

"Pemeriksaan terhadap kereta berkenaan mendapati terdapat 116 pek bungkusan minyak masak bersubsidi satu kilogram pelbagai jenama yang disorokkan di dalam beg pakaian atau 'luggage' serta bekas tong cat yang di-

letakkan di tempat duduk penumpang belakang kereta dan bonet kereta itu.

"Apabila diteliti pada pek minyak masak bersubsidi berkenaan tertera kenyataan 'minyak masak untuk kegunaan domestik dalam negara sahaja' dan kita percaya pasangan warga asing ini mengambil stok minyak masak bersubsidi ini dengan mengumpunya menerusi pembelian di pelbagai kedai atau pasar raya di Perlis.

"Modus operandi mereka adalah mereka akan masuk ke negara ini dan berada di Perlis untuk tempoh tertentu dan pada masa yang sama, mereka akan pergi ke kedai runcit atau pasar raya membeli minyak masak subsidi ini serta mengumpul stok minyak masak itu dalam kuantiti tertentu," katanya di Pejabat JKDM Negeri Perlis di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya percaya selain Thailand, minyak masak bersubsidi ini juga akan dibawa sehingga ke Kemboja untuk tujuan dagangan di restoran atau premis makanan di negara itu di mana ia akan dijual dengan harga sekitar RM5 hingga RM6 satu pek.

"Kesemua minyak masak bersubsidi yang dirampas itu dianggarkan berjumlah RM290, manakala kereta yang digunakan dianggarkan bernilai RM23,000 yang menjadikan jumlah keseluruhan rampasan adalah bernilai RM23,290," katanya.

Jumlah keseluruhan rampasan berjumlah RM23,290
Ismail Hashim



03 AUG, 2024

Cubaan bawa keluar 116kg minyak masak ke Kemboja gagal

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kangar: Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) Perlis berjaya mematahkan cubaan menyeludup keluar minyak masak bersubsidi hingga ke Kemboja berjumlah 116 kilogram (kg) dari negara ini selepas menahan dua individu warga asing di Padang Besar, dekat sini, bulan lalu. Dalam kejadian jam 12.